

NO. SOALAN : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]
TARIKH : 8.10.2014 (RABU)

TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan syarikat-syarikat yang telah di senarai pendek untuk mendapat tender melaksanakan pengubahsuaian sistem pam petrol di seluruh negara berikutan keputusan rasionalisasi subsidi minyak mengikut pendapatan dan jumlah bayaran kepada syarikat-syarikat ini serta siapa yang menanggung kos ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan negara, kerajaan telah mengenal pasti beberapa langkah untuk dilaksanakan. Antara langkah tersebut adalah untuk merasionalisasikan subsidi petrol dan diesel.

Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji pelaksanaan subsidi petrol dan diesel bagi memastikan rakyat Malaysia yang benar-benar layak menerima bantuan kerajaan dapat terus menikmati subsidi petrol dan diesel.